

06/07/1999

Shahnon memang minta maaf: Hadirin

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Isnin - Beberapa hadirin yang mengikuti ceramah Prof Datuk Shahnon Ahmad, di Taman Rakyat di sini malam Jumaat lalu hairan dengan sikap pengarang novel *Shit* itu yang menafikan beliau meminta maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedangkan beliau memang jelas menyebut perkara itu.

Menurut mereka, dalam ceramahnya, Shahnon memang ada mengeluarkan perkataan meminta maaf kepada Dr Mahathir sebagaimana dilaporkan beberapa akhbar kelmarin.

Seorang pegawai kerajaan, Khazali Din, terkejut apabila membaca penafian Shahnon dalam akhbar hari ini.

"Pada saya, Shahnon memang meminta maaf kepada Dr Mahathir. Dia tidak sepatutnya menafikannya kerana memang dia bermaksud meminta maaf kepada Perdana Menteri," katanya di sini, hari ini.

Katanya, Shahnon mungkin membuat tafsiran sendiri kononnya beliau tidak meminta maaf tetapi mengikut tafsiran umum, beliau memang meminta maaf.

"Bagi saya ia adalah tafsiran berbentuk politik. Sepatutnya tidak ada kenyataan yang berbelit-belit.

"Walaupun novel itu tidak menyebut nama Dr Mahathir tetapi adalah jelas pada pandangan umum bahawa ia ditujukan kepada Perdana Menteri dan Shahnon meminta maaf kepadanya dengan menyebut nama Dr Mahathir pada malam itu," katanya.

Eksekutif Pemasaran sebuah syarikat, Fazli Abdullah, yang turut mendengar ceramah itu berkata, Shahnon ada menyatakan beliau meminta maaf kepada Perdana Menteri jika tersinggung dengan kandungan buku berkenaan.

Fazli yang datang bersama isteri dan anak-anaknya menjelaskan beliau ada mendengar ungkapan Shahnon meminta maaf kepada Dr Mahathir.

"Memang dia minta maaf kepada Dr Mahathir sekiranya Perdana Menteri tersinggung.

"Justeru, sebagai orang Islam, Shahnon tidak sepatutnya menafikan kenyataan berkenaan kerana orang ramai memang mendengar dia meminta maaf kepada Perdana Menteri," katanya.

Seorang lagi yang hadir mendengar ceramah berkenaan, Johari Ibrahim, berkata Shahnon tidak wajar menafikan perkataan yang diungkapkannya itu.

"Sebagai orang Islam, beliau perlu berkata benar. Beliau perlu akui ada berkata demikian kerana saya sendiri dengar beliau meminta maaf kepada Dr Mahathir," katanya.

Beliau juga hairan mengapa Shahnon menafikan perkara itu sedangkan memohon maaf kepada orang yang rasa terhina akibat perbuatannya adalah sebahagian daripada tuntutan Islam.

Ahad lalu, beberapa akhbar melaporkan ahli seumur hidup Pas itu meminta maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir jika tersinggung dengan kandungan novel berkenaan.

Shahnon dilaporkan berkata, beliau langsung tidak berniat menghina Dr Mahathir secara peribadi, sebaliknya menegur dan mengkritik corak kepemimpinan Perdana Menteri dan kerajaan.

Dalam ceramah berkenaan Shahnon juga mendakwa beliau tidak pernah menghina ibu Dr Mahathir.

Bagaimanapun, semalam, Shahnon menafikan beliau meminta maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir dan tidak akan menggunakan saluran ceramah untuk meminta maaf, tetapi akan menulis surat rasmi kepada Dr Mahathir dan berjumpa sendiri jika beliau ingin berbuat demikian.

"Saya tidak langsung menunjukan maaf kepada Dr Mahathir ketika saya mengadakan ceramah di Alor Star, tetapi sudah disalah tafsir oleh wartawan muda yang membuat liputan majlis berkenaan," katanya.

Menurutnya, maksud maaf dalam ceramahnya itu ditujukan kepada pihak tertentu yang berasa jika disindir.

Sementara itu, ketika dihubungi oleh New Straits Times di rumahnya di Changkat Minden, Glugur, lewat petang ini, Shahnnon menyebut `I said I was sorry for Dr Mahathir because he misunderstood my intentions.'

Bagaimanapun, ini dianggap oleh ramai pihak sebagai penjelasan yang janggal kerana beliau sepatutnya menggunakan perkataan `saya berasa sedih' dalam ucapannya bukan `saya meminta maaf'.

Ini kerana `feeling sorry for somebody' tidak wujud dalam bahasa Malaysia disebabkan tiada persamaan maksud bagi ungkapan itu.

(END)